

Konsep Asas Ilmu Perubatan Islam Menurut Ibn Sina

Roshaimizam Suhaimi
Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia
Emel: roshaimizam@ppinang.uitm.edu.my

Jasni Sulong
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

ABSTRAK

Ibn Sina (980-1037 M) merupakan seorang tokoh dalam bidang sains perubatan Islam yang lebih dikenali di sebelah dunia intelektualisme Barat dengan nama Avicenna melalui karyanya al-Qanun fi'l-Tibb. Ibn Sina menjelaskan bahawa perubatan merupakan pengetahuan berkaitan dengan kesihatan keadaan tubuh badan dan kemerosotan dalam kesihatan. Ia bertujuan bagi memelihara kesihatan dan juga usaha ke arah pemuliharaannya. Kebijaksanaan Ibn Sina digambarkan dalam al-Qanun melalui pengkelasan dan penyusunan ilmu perubatan pada zaman tersebut dan dipersembahkan dalam bentuk yang logik. Satu aspek pemikiran Ibn Sina tentang perubatan ialah beliau amat menekankan kepentingan penjagaan kesihatan dan pencegahan penyakit. Ini amat bertepatan dengan ajaran wahyu Islam yang amat menekankan penjagaan kesihatan berbanding dengan merawat sesuatu penyakit. Falsafah dan pemikiran yang dikemukakan Ibn Sina boleh dikaitkan dengan perubatan Islam, dan ia serasi dengan Perubatan Nabi-nabi atau lebih dikenali Tibb al-Nabawi, walaupun kedua-duanya tidak semestinya sama dalam semua perkara termasuk dari segi prinsip serta pendekatan. Antara perkara penting yang telah dikemukakan Ibn Sina adalah kesederhanaan (wasatiyyah) dan keseimbangan (mizaan) sebagai jalan terbaik bagi langkah penjagaan kesihatan. Justeru kertas kerja ini akan cuba mengupas isu-isu berkaitan.

ISSN 1675-7939

© 2009 Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang and Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia.

Esteem Academic Journal

Kata kunci: *Al-Qanun fil tibb, perubatan Islam, perubatan para nabi, pemikiran*